31 Mei 2021
*31 May 2021*
P.U. (A) 248

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2021

## *EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (GENERAL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 105 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2021.

**Pindaan peraturan 110**

2. Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 [*P.U. (A) 99/1971*] dipinda dalam peraturan 110—

*(a)* dengan menomborkan semula peraturan yang sedia ada sebagai subperaturan (1); dan

*(b)* dengan memasukkan selepas subperaturan (1) yang dinomborkan semula subperaturan yang berikut:

"(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang majikan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja domestik yang menghidap hilang upaya sementara bagi suatu tempoh terus-menerus selama empat hari atau lebih.

(3) Bagi maksud peraturan ini, "pekerja domestik" ertinya seseorang yang diambil kerja semata-mata dalam kerja atau yang berkaitan dengan kerja bagi suatu rumah kediaman persendirian dan bukan bagi apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan

dalam rumah kediaman itu dan termasuklah seorang tukang masak, pekhidmat rumah (termasuk pekhidmat bilik tidur dan dapur), pelayan, *butler*, orang yang menjaga kanak-kanak atau bayi, valet, kundang, tukang kebun, lelaki pencuci kain atau perempuan pencuci kain, jaga, sais dan pemandu atau pencuci apa-apa kenderaan berlesen untuk kegunaan persendirian.”.

Dibuat 28 Mei 2021
[KSM/PUU(S)600/1/2/11/11(6); PN(PU2)58/XXIII]

DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN
*Menteri Sumber Manusia*

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY ACT 1969

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (GENERAL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by section 105 of the Employees' Social Security Act 1969 [*Act 4*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Employees' Social Security (General) (Amendment) Regulations 2021**.

(2) These Regulations come into operation on 1 June 2021.

**Amendment of regulation 110**

2. The Employees' Social Security (General) Regulations 1971 [*P.U. (A) 99/1971*] are amended in regulation 110—

*(a)* by renumbering the existing regulation as subregulation (1); and

*(b)* by inserting after the renumbered subregulation (1) the following subregulations:

"(2) Notwithstanding subregulation (1), an employer may terminate the service of a domestic employee who suffers from temporary disablement for a continuous period of four days or more.

(3) For the purposes of this regulation, "domestic employee" means a person employed exclusively in the work or in connection with work of a private dwelling house and not of any trade, business or profession carried on by the employer in such dwelling house and includes a cook, house servant (including bedroom and kitchen servants), waiter, butler, child's or baby's nurse, valet, footman, gardener,

washer manor or washer woman, watchman, groom and driver or cleaner of any vehicle licensed for private use.”.

Made 28 May 2021
[KSM/PUU(S)600/1/2/11/11(6); PN(PU2)58/XXIII]

DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN
*Minister of Human Resources*